

13 APRIL 2018

Dua sahabat menangis selepas dijatuhi hukuman gantung

Dua sahabat menangis selepas dijatuhi hukuman gantung

JOHOR BAHRU - Dua sahabat hanya mampu terduduk dan menangis selepas Mahkamah Tinggi di sini semalam menjatuhkan hukuman gantung sampai mati selepas didapati bersalah mengedar dadah jenis methamphetamine seberat 5.49 kilogram dua tahun lalu.

Hakim Collin Lawrence Sequerah membuat keputusan itu terhadap tertuduh seorang pelayan, Taza Tarji, 23, dan rakannya seorang lelaki warga Indonesia, Herman, 34, setelah pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah.

Mengikut pertuduhan, Taza dan Herman didakwa mengedar dadah berbahaya itu di atas sampan fiber berwarna merah biru di perairan Tanjung Piai dekat Pontian.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 39B (2) akta sama dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman mati mandatori.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan



HERMAN (kanan) dan Taza yang dijatuhi hukuman gantung diiringi polis di Mahkamah Tinggi Johor Bahru semalam.

Pendakwa Raya Nor Iffa Zarilla Abd. Rahman.

Berdasarkan fakta kes, pemeriksaan yang dilakukan dalam sampan yang digunakan kedua-dua tertuduh menjumpai satu beg celoreng berisi serbuk kristal yang diletakkan di haluan sampan.